



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 28 MEI 2024 (SELASA)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	BERITA TV9 (BULETIN TV9)	• TANAH RUNTUH PUCHONG : KERJA BAIK PULIH LOKASI TANAH RUNTUH SEDANG BERJALAN
2.	SINAR HARIAN	• TIGA PBT DI SELANGOR SEDIA RUMAH PERLINDUNGAN KUCING, ANJING

MEDIA CETAK (AKHBAR / MAJALAH)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	• GALAK PBT BINA RUMAH KUCING, ANJING

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	MBDK	• NORTHPORT-MBDK JALIN KERJASAMA PERTANIAN BANDAR
2.	THE STAR	MBPJ	• RM350mil SMART TUNNEL PLAN FOR PJ
		MPS	• PJ MAYOR SAYS STORM GENERATED 28 TONNES OF WASTE
		DBKL	• MPS RECEIVES OVER 33,000 OBJECTIONS TO RATE HIKE
3.	KOSMO	MBDK	• MASSIVE RAID AT ILLEGAL SETTLEMENT IN SENTUL
4.	BERITA HARIAN	DBKL	• NORTHPORT, MBDK LAKSANA PROJEK PERTANIAN BANDAR
5.	UTUSAN MALAYSIA	DBKL	• PERKAMPUNGAN HARAM ETNIK ROHINGYA DI SENTUL DISERBU
6.	NEW STRAITS TIMES	DBKL	• KAMPUNG SETINGGAN WARGA ASING DEKAT DUKE DIGEMPUR IMIGRESEN
			• 124 SCREENED IN RAID ON MIGRANT COLONY

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SINAR HARIAN	• RASUAH TIDAK AKAN BERAKHIR SELAGI ADA PENAWARAN, PERMINTAAN • PM UMUM PELABURAN RM3 BILION KWAP • KOS KENDERAAN DIESEL BUKAN MURAH – PAKAR • BANTU RINGAN BEBAN RAKYAT • APUNG HARGA DIESEL : ANWAR TUNGGU PENGUMUMAN MENTERI • RAKYAT MASIH KELIRU
2.	THE STAR	• DENGUE CASES UP, TWO DEATHS REPORTED
3.	HARIAN METRO	• PROGRAM BANTUAN SUBSIDI MADANI ATAU BUDI MADANI PERMOHONAN DIBUKA SEMALAM • MANUAL SALIRAN MESRA ALAM DITAMBAH BAIK
4.	KOSMO	• SAMPAH SUNGAI KLANG MENURUN 67 PERATUS • PELAKSANAAN MSMA SECARA EFEKTIF PERLU LIBAT SEMUA PIHAK
5.	BERITA HARIAN	• KERAJAAN AMBIL LANGKAH CUKUP PASTIKAN PERLAKSANAAN TAK JEJAS RAKYAT • KERAJAAN TAMBAH BAIK MSMA TANGANI MASALAH BANJIR

BIL	AKHBAR	TAJUK
6.	UTUSAN MALAYSIA	• RINGGIT KUKUH SUSULAN KDNK MENINGKAT – ANWAR • 95% KLINIK, HOSPITAL KERAJAAN TIDAK CUKUP KAKITANGAN • RISIKO BAKI SIMPANAN SARAAN SEDIKIT
7.	NEW STRAITS TIMES	• DIESEL SUBSIDY REMOVAL WON'T AFFECT MRCB • ANWAR : ADEQUATE MEASURES TAKEN ON TARGETED SUBSIDISED DIESEL SCHEME
8.	THE SUN	• GOVT URGED TO ADDRESS SPM DROPOUT ISSUE AT SOURCE • RINGGIT FIRMER AGAINST US DOLLAR AT THE CLOSE • INCREASE IN DENGUE CASES, TWO DEATHS REPORTED • VALUE OF RINGGIT STRENGTHENING : PM

Berita TV9 (Buletin TV9)

TV program :

Overview

Trailers & clips

Reviews

Cast



YouTube

Buletin TV9 - YouTube

Buletin TV9. @BuletinTV9. 362K subscribers•31K videos. Buletin TV9 bersiaran jam 7 malam di TV9, bermula...

Tanah Runtuh Puchong: Kerja Baik Pulih Sedang Berjalan, Jangka Siap S...

Like Comment Share

You and 18 others · 618 plays



KERJA BAIK PULIH LOKASI TANAH RUNTUH BELUM SELESAI



KERJA BAIK PULIH LOKASI TANAH RUNTUH BELUM SELESAI



KERJA BAIK PULIH LOKASI TANAH RUNTUH BELUM SELESAI



KERJA BAIK PULIH LOKASI TANAH RUNTUH BELUM SELESAI



KERJA BAIK PULIH LOKASI TANAH RUNTUH BELUM SELESAI

BERITA TV9 (BULETIN TV9)

TARIKH: 29 MEI 2024

Tiga PBT di Selangor sedia rumah perlindungan kucing, anjing

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR Follow

28 Mei 2024 02:38pm Masa membaca: 4 minit



Suee Lim (tiga dari kiri) menyaksikan penyerahan dokumen MoU antara Yang Dipertua MDSB, Azman Dahlan (dua dari kiri) dan Setiausaha MPKS, Mohamad Yusli Askandar (tiga dari kanan) pada Majlis Perasmian Kempen Santuni Haiwan #Iuvyourpet MDSB 2024 dan Majlis Menandatangani Persefahaman (MoU) Penguatkuasaan Bersepadu Haiwan Berkeliaran pada Selasa.

SABAK BERNAM - Pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor khususnya bertaraf bandar raya digalakkan menyediakan sekurang-kurangnya satu rumah perlindungan kucing dan anjing terbiar bagi mengelakkan isu kacau ganggu dan risiko keselamatan kepada orang awam.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pelancongan Selangor, Datuk Ng Suee Lim berkata, pelaksanaan rumah perlindungan menempatkan haiwan terbiar itu boleh dibuat dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) di setiap PBT terlibat.

Menurut beliau, setakat ini tiga daripada 12 PBT di negeri ini telah menyediakan rumah perlindungan haiwan itu iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

"Saya sendiri akan turun padang untuk melihat sendiri dari segi fasiliti dan sebagainya, jika tidak mencukupi, kita meminta PBT yang melaksanakan rumah perlindungan untuk tambah baik," jelas beliau.

"Setakat ini kita telah memberi peruntukan sebanyak RM150,000 kepada MBSJ untuk melaksanakan program ini dan berharap PBT lain yang berkemampuan untuk turut serta dalam program ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Kempen Santuni Haiwan #Iuvyourpet MDSB 2024 dan Majlis Menandatangani Persefahaman (MoU) Penguatkuasaan Bersepadu Haiwan Berkeliaran di Dewan Seri Bernam di sini pada Selasa.

SINAR HARIAN ONLINE

TARIKH: 29 MEI 2024

Tiga PBT di Selangor sedia rumah perlindungan kucing, anjing

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR Follow
28 Mei 2024 02:38pm Masa membaca: 4 minit



Suee Lim (depan, tengah) melawat salah sebuah pameran pada Majlis Perasmian Kempen Santuni Haiwan #Iuvyourpet MDSB 2024 dan Majlis Menandatangani Persefahaman (MoU) Penguatkuasaan Bersepadu Haiwan Berkeliaran di Dewan Seri Bemam di sini pada Selasa.

MoU itu dilaksanakan antara Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB), Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS).

Bagaimanapun, Suee Lim memberitahu, pada masa ini kebanyakan PBT berdepan kekangan kewangan mewujudkan pusat perlindungan haiwan terbiar berikutan kosnya yang tinggi.

Jelas beliau, pembukaan pusat perlindungan itu bagi tempoh jangka masa panjang memerlukan perbelanjaan jutaan ringgit terutama membabitkan kos makanan, penjagaan dan kesihatan haiwan.

"Itu sebab kita galakkan orang ramai datang mengambil kucing dan anjing terbiar di pusat perlindungan.

"Langkah ini dapat mengurangkan tanggungan kewangan PBT dan jika lebihan haiwan ini dikumpul dalam rumah perlindungan ia akhirnya menjadi satu bebanan besar kepada PBT yang memerlukan kos tinggi," tambah beliau.

Selain itu, katanya, kerajaan negeri juga giat mengadakan program pemandulan kucing dan anjing bagi mengurangkan populasi haiwan terbiar.

Katanya, usaha itu boleh dilakukan dengan kerjasama antara PBT dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

"Saya yakin kaedah seperti ini dapat mengurangkan keresahan rakyat sekali gus menjadikan PBT di Selangor proaktif ke hadapan dalam menyayangi haiwan terbiar," tambahnya.

Sinar Harian pada 1 April lalu melaporkan, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin menzahirkan rasa dukacita berkenaan perkembangan operasi penangkapan anjing berkeliaran khususnya di Selangor.

Baginda mencadangkan PBT mewujudkan rumah perlindungan haiwan terbiar bagi setiap taman perumahan dengan kerjasama penduduk yang sayangkan haiwan.

Baginda bertitah, PBT juga wajar mewajibkan pemaju perumahan untuk membina atau menyediakan pusat perlindungan seumpamanya.

SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH: 29 MEI 2024

Galak PBT bina rumah kucing, anjing

Elak masalah kacau ganggu, beri perlindungan kepada haiwan terbiar

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
SABAK BERNAM

Pihak berkuasa tempatan (PBT) Selangor khususnya yang bertaraf bandar raya digalakkan menyediakan sekurang-kurangnya satu pusat perlindungan kucing dan anjing terbiar bagi mengelakkan isu kacau ganggu dan risiko keselamatan kepada orang awam.

Exco Kerajaan Tempatan dan Pelancongan, Datuk Ng Suee Lim berkata, pembinaan pusat perlindungan yang menempatkan haiwan terbiar itu boleh dibuat dengan kerjasama badan bukan kerajaan (NGO) di setiap PBT terlibat.

Menurut beliau, setakat ini tiga daripada 12 PBT yang terdiri daripada Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Diraja Klang dan Majlis Bandaraya Subang Jaya telah menyediakan pusat perlindungan haiwan.

"Saya akan turun padang untuk melihat sendiri fasiliti disediakan. Jika tidak cukup, kita akan minta PBT yang membina pusat perlindungan ini untuk tambah baik.

"Setakat ini kita telah memberi peruntukan sebanyak



Suee Lim (dua dari kanan) melawat pameran pada Majlis Perasmian Kempen Santuni Haiwan #Iuvyourpet MDSB 2024 dan MoU Penguatkuasaan Bersepadu Haiwan Berkeliaran di Dewan Seri Bernam, Sabak Bernama pada Selasa.

RM150,000 kepada MBSJ untuk melaksanakan program ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Kempen Santuni Haiwan #Iuvyourpet MDSB 2024 dan Majlis Menandatangani Persefahaman (MoU) Penguatkuasaan Bersepadu Haiwan Berkeliaran di Dewan Seri Bernam di sini pada Selasa.

MoU dilaksanakan antara Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB), Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor.

Bagaimanapun, Suee Lim berkata, buat masa ini kebanyakan PBT berdepan kekangan kewangan untuk membina pusat perlindungan haiwan terbiar berikutan kosnya yang tinggi.

Jelasnya, pembinaan pusat perlindungan itu bagi tempoh

jangka masa panjang memerlukan perbelanjaan jutaan ringgit terutama membabitkan kos makanan, penjagaan dan kesihatan haiwan.

"Sebab itu kita galakkan orang ramai datang mengambil kucing dan anjing terbiar di pusat perlindungan ini.

"Jika haiwan ini dikumpul dalam pusat perlindungan ia akan menjadi satu beban besar kepada PBT," tambahnya.

Selain itu katanya, kerajaan negeri juga giat mengadakan program pemandulan kucing dan anjing bagi mengurangkan populasi haiwan terbiar itu.

Katanya, usaha itu boleh dilakukan dengan kerjasama antara PBT dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

"Saya yakin kaedah seperti ini dapat mengurangkan keresahan rakyat sekali gus menjadikan PBT di Selangor proaktif ke hadapan dalam menyayangi haiwan terbiar," tambahnya.



Meningkatkan kesedaran
tentang kepentingan
kelestarian alam
sekitar

Oleh FARHANA ABD KADIR
SHAH ALAM

Northport-MBDK jalin kerjasama pertanian bandar

29 Mei 2024 (MBDK)

Ahli kumpulan MMC Corporation Berhad (MMC), Northport (Malaysia) Bhd (Northport) dan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) menjalinkan kerjasama bagi melaksanakan projek pertanian menegak berskala besar yang inovatif untuk memperkasa ekonomi pekeliling.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Azman Shah Mohd Yusof berkata, projek tersebut akan dimulakan di Northport dan dijangka membawa manfaat besar kepada masyarakat Klang terutama dalam meningkatkan hasil sayuran tempatan.

Menurutnya, ia termasuk penglibatan masyarakat dan pendidikan tentang amalan mampan, pengurangan jejak karbon dan sisa tapak pelupusan melalui teknik pertanian yang inovatif, serta memperkukuhkan daya tahan ketahanan makanan tempatan.

"Menerusi projek kerjasama ini, Northport dan MBDK berhasrat untuk mengembangkan inisiatif ini dengan melibatkan lebih ramai rakan kongsi komuniti dan pihak berkepentingan.

"Kami mahu membudayakan amalan kemampan sebagai sebahagian daripada landskap bandar Klang.

"Kerjasama ini adalah langkah penting ke arah masa depan yang lebih mampan dan berdaya tahan untuk komuniti setempat," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Mengulas lanjut, menurut Azman Shah, untuk projek pertanian di Northport, sistem pennaian air hujan akan digunakan untuk mengumpul sumber tersebut dalam tangki simpanan sebelum dipam terus menggunakan tenaga solar bagi memastikan ia mesra alam.

“

Kerjasama ini adalah langkah penting ke arah masa depan yang lebih mampan dan berdaya tahan untuk komuniti setempat.”

- Azman Shah

Tambah beliau, sistem pertanian menegak ini juga menggunakan baja organik yang dihasilkan oleh mesin penghadam aerobik.

Ulasnya, mesin tersebut berupaya menukar bahan sisa makanan pepejal dari kantin sekitar Northport kepada kompos dan menjadi baja yang kaya dengan nutrien untuk tumbuhan.

Jelas beliau, pembiayaan projek tersebut adalah hasil daripada kempen 'Ayuh Kitar Semula' yang dilancarkan oleh syarikat mereka sejak 2018 dan telah berjaya mengumpul lebih 217 tan barangan kitar semula bernilai RM75,254.

"Sebelum ini Northport telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memperkasa kemampan sebagai sebahagian daripada strategi alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) syarikat.

"Projek ini mula dijalankan di premis kami pada Ogos 2023 dan setelah melihat hasil yang positif, syarikat telah memanjangkan inisiatif ini ke sekolah-sekolah di sekitar Klang.

"Matlamat kami adalah untuk menjadikan ekosistem yang mampan dengan penglibatan pihak berkepentingan



Northport dan MBDK berhasrat untuk mengembangkan inisiatif ini dengan melibatkan lebih ramai rakan kongsi komuniti dan pihak berkepentingan.

an," ujarnya.

Sementara itu, Datuk Bandar MBDK, Datin Paduka Noraini Roslan berkata, projek inovatif tersebut sangat baik bagi membangunkan ekosistem alam sekitar di Klang.

Menurutnya, kaedah pertanian menegak membolehkan penggunaan sumber lebih cekap dengan pemantauan dan penggunaan air secara minimum terutama kawasan tanah yang kecil seperti di bandar atau tapak perindustrian.

Tambah beliau, pertanian menegak menggalakkan ekonomi pekeliling dengan menekankan kemampan, meminimumkan sisa dan memaksimumkan kecekapan sumber.

"Projek inovatif yang dimulakan oleh Northport ini merupakan inisiatif yang sangat baik kerana ia menggabungkan kelestarian alam sekitar dan penglibatan komuniti bagi membangunkan ekosistem, khususnya di Klang.

"Kami merasakan adalah menjadi tanggungjawab kami untuk menyokong inisiatif ini dan kami telah memperuntukkan sebidang tanah di Pelabuhan Klang untuk projek itu.

"MBDK berharap lebih banyak organisasi akan tampil dan mengambil bahagian dalam inisiatif ini kerana ia menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat setempat," katanya.



Sebagai sebahagian program CSR syarikat, kakitangan Northport berkongsi pengetahuan berkaitan pertanian mampan dengan murid-murid sekolah di Klang.



Noraini (tengah) bersama pegawai-pegawai Northport semasa perbincangan inisiatif kerjasama 'Circle of Life Community Garden'.

Rasuah tidak akan berakhir selagi ada penawaran, permintaan

SHAH ALAM - Jenayah rasuah tidak akan pernah berhenti selagi wujud penawaran dan permintaan daripada golongan yang tidak bertanggungjawab.

Pengerusi Gabungan Rasuah Busters Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, Profesor Dr Hamdan Daniel M Sharib berkata, rasuah bukan perkara baharu sehingga banyak negara runtuh dan ekonomi pincang akibat jenayah tersebut.



HAMDAN DANIEL

"Saya tidak terkejut dengan berita Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman penjawat awam kerana disyaki meminta dan menerima rasuah kerana jelas membuktikan bahawa ia (rasuah) seolah-olah sudah sebatih dengan masyarakat kita.

"Apabila jenayah itu berlaku walaupun Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim begitu menekankan perihai membanteras jenayah, ia menunjukkan tahap integriti penjawat awam masih lagi rendah," katanya pada Selasa.

Sebelum ini media melaporkan, SPRM Terengganu menahan reman tiga penjawat awam sebuah jabatan berkaitan urusan tanah

kerana disyaki meminta dan menerima rasuah bernilai kira-kira RM25,000.

Mengulas lanjut, Hamdan Daniel berkata, pihak berkuasa perlu memainkan peranan dalam membendung jenayah berkenaan dengan mencari punca 'virus' terlebih dahulu bagi mendapatkan penawarnya.

"Jika punca berjaya diketahui, sudah tentu kita menyelidik kekompongan dalam institusi sehingga ada yang bertindak memberi atau menerima rasuah.

"Berulang kali saya nyatakan bahawa selagi ada penawaran maka selagi itu ada permintaan rasuah dan perkara lain yang harus dilihat ialah jati diri kurang mantap atau goyah apabila disogok dengan material seperti wang ringgit, harta serta sebagainya," tegas beliau.

Selain itu, beliau berkata, pihak atasan yang berkepentingan harus senada dengan usaha kerajaan untuk membanteras kegiatan rasuah.

Ujar Hamdan Daniel, jumlah denda dan hukuman penjara perlu dikaji semula agar dapat memberi impak dan kesedaran kepada masyarakat Malaysia bahawa amalan rasuah membawa padah bukan sahaja pada diri sendiri malah keluarga dan masyarakat.

SINAR HARIAN

Tarikh: 29 MAY 2024

PM umum pelaburan RM3 bilion KWAP

21/5

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) bakal melabur sebanyak RM3 bilion melalui Dana Pemacu.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, ia menggunakan 50 peratus daripada keseluruhan dana iaitu RM6 bilion dan dilaksanakan dalam bentuk pelaburan patuh syariah bagi menyokong ekosistem berkenaan.

Menurutnya, Dana Pemacu akan menjadi strategi pelaburan ekuiti swasta yang berfokus di negara ini dengan menyasarkan sektor utama termasuk keselamatan makanan, pendidikan, ekonomi digital, penjagaan kesihatan dan perkara lain di bawah Kerangka Kerja Ekonomi Madani.

"Pelancaran Dana Pemacu oleh KWAP selaras dengan pembaharuan yang lebih meluas oleh kerajaan.

"Ia bagi mengoptimalkan dana Syarikat Pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) untuk memacu pelaburan ke dalam syarikat di Malaysia supaya berkembang pesat," katanya ketika berucap

di Forum Antarabangsa Ekonomi dan Kewangan Islam (GFIEF) bertempat di Pusat Konvensyen di sini pada Selasa.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) bakal menubuhkan 'Social Exchange' yang pertama di negara ini sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan ekosistem pelaburan.

Menurut Anwar, ia merupakan inisiatif berstruktur bagi menggalakkan penyertaan modal swasta dalam projek sosial dengan penghasilan yang positif.

"Ia bukan sahaja memanfaatkan badan bukan kerajaan (NGO), malah perusahaan sosial dan majlis agama Islam negeri," katanya.

Anwar turut memaklumkan, pihaknya bakal memperkenalkan dimensi baharu kepada terbitan sukuk melalui penstrukturan 'Wakalah Bil Khadamat'.

Katanya, ia akan dimuktamadkan menjelang 2025 dan kini sedang dalam proses penyusunan serta persediaan pelancaran.

"Kami akan terus berinovasi mengenai sukuk berstruktur," ujarnya.

SINAR HARIAN

Tarikh:29 MAY 2024....

Kos kenderaan diesel bukan murah - Pakar

Star 25/5

SUMBER: ZIGWHEELS.MY

SHAH ALAM - Susulan pengumuman subsidi Budi Madani, seorang pengguna X, @joni_joni memberi cadangan 'nakal' supaya pemilik kenderaan diesel terpakai segera memperbaharui cukai jalan dan mendaftarkannya di bawah Budi Individu bagi mendapatkan pendapatan pasif setiap bulan.



SHAMSUL

Namun pakar industri automotif, Shamsul Yunus berpandangan, cadangan itu tidak berbaloi kerana kos untuk memperbaharui cukai jalan dan insurans

kenderaan jenis berkenaan lebih mahal berbanding RM200 melalui Budi Madani.

"Cukai jalan dan insurans kereta diesel boleh cecah RM1,000 ke atas, jadi idea seperti itu memang tidak logik. Hanya untuk dapatkan RM200 sebulan, memang tak munasabah kerana jumlah itu kecil berbanding kos yang terpaksa dikeluarkan.

"Cadangan itu juga tidak boleh diguna pakai kerana syarat yang dikenakan adalah kenderaan yang kurang dari 10 tahun. Harga kenderaan terpakai khususnya enjin diesel juga bukan murah," katanya.

HARGA KENDERAAN DIESEL BAHARU DI MALAYSIA

Model	Harga
Toyota Hilux	RM103,880-RM169,080
Mazda CX-5	RM143,300-RM187,200
Mitsubishi Triton	RM87,390-RM155,900
Toyota Fortuner	RM195,880-RM236,880
Ford Ranger	RM98,888-RM183,888
Mazda CX-8	RM184,000-RM220,000
Kia Carnival	RM199,840-RM261,229
Nissan Navara	RM95,600-RM148,600
Ford Ranger Raptor	RM248,888-RM259,888
Maxus T60	RM99,000
Toyota Hiace SLWB	RM169,000
Hyundai Staria	RM181,888-RM211,888

SINAR HARIAN

Tarikh: 12 9 MAY 2024

Bantu ringan beban rakyat

KUALA LUMPUR - Pengumuman program Budi Madani oleh kerajaan mendapat sokongan pakar ekonomi terkemuka, yang melihatnya sebagai langkah penting ke arah kecekapan fiskal dan sokongan ekonomi yang disasarkan serta langkah proaktif bantu meringankan beban rakyat.

Ketua Pakar Ekonomi di Bank Muamalat Malaysia Sdn Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, menawarkan

bentuk pembaziran," katanya kepada *DagangNews.com*.

Bagaimanapun, Mohd Afzanizam memberi amaran bahawa negara harus bersiap sedia untuk kesan jangka pendek, kerana harga diesel di pam boleh mengalami kenaikan dengan pengalihan subsidi sekali gus ke arah sistem kad *fleet* dan bantuan tunai Budi.

Sementara itu, Ketua Pakar Ekonomi di Juwai IQI, Shan Saeed, turut memuji inisiatif itu

SINAR HARIAN

Tarikh:29 MAY 2024.....

Apung harga diesel: Anwar minta tunggu pengumuman menteri

Sinar MP

KUALA LUMPUR - Tunggu pengumuman Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan mengenai keputusan sama ada harga diesel akan diapungkan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Tunggu pengumuman MKII (Menteri Kewangan II)," katanya ringkas kepada pemberita di sini pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kemungkinan kerajaan akan mengapungkan harga diesel susulan keputusan melaksanakan rasionalisasi

subsidi bahan api itu.

Mengenai permintaan penggiat industri supaya kerajaan memperluaskan senarai penerima subsidi diesel, Anwar meminta perkara itu dirujuk kepada Menteri Pengangkutan dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup.

Mengulas kebimbangan pengusaha restoran bahawa kenaikan kos pengangkutan akan ditanggung pengguna, Perdana Menteri berkata, kerajaan sudah mengambil langkah yang secukupnya bagi menangani perkara itu.

SINAR HARIAN

Tarikh: 29 MAY 2024

Rakyat masih keliru

Ramai belum buat permohonan Budi Individu secara dalam talian, mahu penjelasan lanjut syarat kelayakan

SHAH ALAM

Pemilik kenderaan diesel persendirian bagi individu, petani kecil dan pekebun kecil komoditi daripada golongan B40 dan M40 di Semenanjung layak memohon submangan tunai RM200 sebulan menerusi Program Bantuan Subsidi Madani atau Budi Madani mulai Selasa, namun ramai yang mendakwa mereka masih keliru mengenai siapa yang benar-benar layak mendapat subsidi.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati mereka turut tertanya-tanya mengapa perlu membuat permohonan baharu sedangkan mereka sudah mengisi sistem Pangkalan Data Utama (PADU) sebelum ini.

Sebahagian mereka pula meminta kerajaan mengkaji semula syarat-syarat permohonan kerana menganggap akan ramai yang tercicir bantuan disebabkan tidak menepati kriteria ditetapkan.

Seorang penduduk, Rosli Sulaiman, 45, berkata, dia keliru kerana terpaksa membuat permohonan secara dalam talian di bawah kategori Budi Individu.

Jelasnya, penduduk juga khuatir sekiranya permohonan tidak diluluskan dan menyebabkan mereka terpaksa membeli diesel tanpa subsidi pada harga jauh lebih mahal.

"Saya pun tidak tahu cara untuk



Jefri menganggap bantuan RM200 sebulan masih rendah berbanding subsidi diesel yang dinikmati sekarang.

mendaftar dan kalau boleh kita berharap kerajaan dapat perkenalkan cara manual bagi memudahkan rakyat," tambahnya.

Jefri Chula, 56, dari Klang pula berkata, jumlah RM200 masih rendah berbanding subsidi diesel yang dinikmati sekarang.



Menurutnya, langkah diumumkan kerajaan itu memberi bebanan dan tekanan kepada penduduk terutama mereka yang berpendapatan rendah.

"Saya bimbang pemansuhan subsidi diesel ini akan menyebabkan kenaikan harga barang dan ini sudah tentu keadaan ini menyusahkan rakyat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Di KOTA BHARU, ramai pemilik kenderaan pacuan empat roda turut keliru dengan kaedah pemilihan penerima yang layak mendapat bantuan Budi Madani menyebabkan mereka belum mengisi borang permohonan.

Setiausaha Kumpulan Rekreasi Lacar Group 4x4 Kuala Krai, Muhammad Asrul Mohamed berkata, ramai ahli kumpulan bersetuju bantuan RM200 itu dapat membantu menampung kos bahan api kenderaan tetapi berharap

ada ketelusan dalam memilih mereka yang benar-benar layak.

Peniaga, Mohd Safuan Ismail, 40, pula belum membuat permohonan kerana tidak pasti kriteria untuk pacuan empat roda.

Mohd Safuan yang terlibat dengan pertubuhan bukan kerajaan turut memanfaatkan kenderaan pacuan empat roda untuk komuniti setempat.

"Sudah menjadi perkara biasa kami membantu mangsa banjir termasuk memindahkan mereka dan menghantar bantuan dengan kenderaan ini."

"Kenderaan ini tidak hanya berfungsi untuk pekerjaan tetapi penting dalam situasi tertentu," katanya.

Kementerian Kewangan menerusi kenyataan pada Isnin memaklumkan pemilik kenderaan diesel persendirian berdasarkan kriteria kelayakan tertentu, boleh membuat permohonan di bawah kategori Budi Individu, manakala petani kecil dan pekebun kecil boleh memohon di bawah kategori Budi Agri-Komoditi.

Budi Madani melengkapi program subsidi bersasar melalui MySubsidi Diesel kendalian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

'Kenapa kena daftar Budi lepas daftar PADU?'

SHAH ALAM - Ketua Pemuda Pas, Afnan Hamimi Taib Azamuddin menyoal mengapa mereka yang ingin menerima subsidi diesel perlu mendaftar dengan Budi Madani.

Ini kerana kata Ahli Parlimen Alor Setar itu, kerajaan telah meminta orang ramai mendaftar di Pangkalan Data

Utama (PADU) pada awal tahun ini yang juga bertujuan melaksanakan subsidi bersasar.

"Hari itu rakyat disuruh daftar dengan PADU. Menteri kata, siapa tak dapat bantuan kerajaan, tak dapat subsidi. Maka ramailah yang daftar PADU.

"Tiba-tiba hari ni kerajaan umumkan rakyat yang layak kena daftar melalui Budi Madani pula untuk dapat subsidi, RM200 sebulan."

"Habis tu, data Padu itu jadi apa? Kenapa tak dipakai untuk dapat subsidi ini? Kenapa rakyat kena daftar lagi," soalnya dalam hantaran di media sosial.

PROGRAM BUDI MADANI

BUDI INDIVIDU

Bantuan subsidi tunai kepada pemilik kenderaan diesel individu.

1. Pemohon

- Rakyat Malaysia
- Pendapatan tahunan individu atau pasangan RM100,000 dan ke bawah.

2. Kenderaan

- Kenderaan diesel untuk kegunaan persendirian
- Cukai jalan aktif
- Didaftarkan dengan JPJ di Semenanjung

3. Tidak layak

- Motosikal diesel
- Kenderaan diesel persendirian digunakan untuk syarikat atau pertubuhan
- Kenderaan mewah di bawah usia 10 tahun
- Kenderaan berdaftar sebagai e-hailing
- Karavan, motorhome, van persiaran, dan bas persiaran.

BUDI AGRI-KOMODITI

1. Pemohon mesti berdaftar sebagai petani atau pekebun kecil dengan agensi di bawah kementerian berikut:

- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
- Kementerian Perlindungan dan Komoditi

2. Pemohon merupakan petani atau pekebun kecil komoditi yang aktif dengan hasil jualan tahunan antara RM50,000 hingga RM300,000.

MYSUBSIDI DIESEL

- Inisiatif khusus untuk kenderaan awam dan pengangkutan barangan darat yang layak untuk mendapatkan subsidi diesel melalui *fleet card* bermula 1 Februari 2024.
- Sebanyak 90,000 *fleet card* telah dikeluarkan setakat ini.

Nota: Orang ramai boleh mengikuti soalan lazim mengenai Budi Madani di laman web Kementerian Kewangan.

SINAR HARIAN
29 MAY 2024
Tarikh:

RM350mil smart tunnel plan for PJ

City council says underground passage to mitigate traffic congestion, flooding problems

By SHEILA SRI PRIYA
sheilasriprya@thestar.com.my

AN UNDERGROUND passageway based on the SMART Tunnel concept has been planned under the Draft Special Area Plan (RKK) of Sections 19, 51 and 51A in Petaling Jaya, Selangor.

Petaling Jaya City Council (MBPJ) Planning Development Department director Lee Lih Shyan said the 1.98km tunnel would traverse Sections 51, 51A, Federal Highway Route 2 and New Pantai Expressway (NPE).

"The total cost for the tunnel is estimated at RM350mil and will be funded through the city's development trust account, with funds collected from developers," he said during a briefing at MBPJ headquarters.

Lee said the SMART tunnel was seen as an alternative to the

cancelled Petaling Jaya Dispersal Link (PJD Link) and was aimed at easing traffic congestion and mitigating floods in the city.

The SMART or Stormwater Management and Road Tunnel is a 9.7km storm drainage and road structure in Kuala Lumpur.

During the briefing, several residents expressed scepticism about the tunnel's effectiveness in dispersing traffic and suggested cheaper alternatives like a fly-over.

"We need to know where the tunnel will start and end. Since the tunnel is to mitigate flooding, we also need to know where the water will be channelled to," said David Yoong, a retired civil engineer.

"Based on the details we have, the tunnel will not solve the flooding or traffic problems," he added.

Long-time Section 51 resident Jermain Ryan said she and her neighbours were worried that their properties could be acquired to facilitate construction of the tunnel.

"My row of houses has no walkway and is prone to flooding."

"We are under the LRT line too. I am not convinced this tunnel near my house is viable," she said.

Lee invited affected residents for another meeting to discuss some of the details with the MBPJ Engineering Department.

Stakeholders may file questions or objections to the RKK by tomorrow using a form downloaded from www.mbpj.gov.my

During the briefing, Lee also said there were plans for transit-oriented development in Taman Dato Harun which included



Lee says the 1.98km tunnel will traverse Sections 51, 51A, Federal Highway Route 2 and New Pantai Expressway. — RAJA FAISAL HISHAN/The Star

affordable housing.

Overall, he said the gross development value was estimated at RM1.76bil and the development charges (for changes in land use) would be about RM300mil.

These charges would comprise private sector contributions and would go towards the city's

development trust fund, Lee said.

He said it was estimated that council assessment revenue would be RM16mil, based on the projects in the plan.

During the meeting, residents also suggested that a public hospital be built as there were none in the city.

THE STAR
129 MAY 2014
Tarikh:.....

PJ mayor says storm generated 28 tonnes of waste

MBPJ
Star
29/5

PETALING Jaya City Council (MBPJ) has cleared 28 tonnes of waste, mostly broken branches and tree trunks, following Saturday's storm.

The cleanup process cost RM150,000, according to Petaling Jaya mayor Mohamad Zahri Samingon.

The city council also received 98 complaints related to the storm and acted swiftly, Zahri said at MBPJ's full board meeting yesterday.

"Areas that were most affected were Sections 11, 12, 14, 16, 17, Jalan Gasing and SS2.

"We recorded 96 cases of fallen trees in public spaces and two cases of trees that fell into private properties. There were 230 trees with broken branches."

"The council's Skud Pantas worked with the police, Fire and Rescue Department and Civil Defence Force. Clearing works are still ongoing and will take a week," he said.

According to Zahri, some 100 MBPJ staff were involved in the cleanup.

Yesterday, the mayor also visit-



Zahri (front left) visiting SK Petaling Jaya which suffered storm damage to its roof and infrastructure.

ed two schools that were badly hit by the storm, SMK Sultan Abdul Samad and SK Petaling Jaya.

"We saw damaged school roofs. I am planning with my department head on how we can help," he said.

"We will also review the council's Standard Operating Procedures for tree maintenance to be better prepared for the future."

During the meeting, it was announced that MBPJ carried out maintenance work on 93,952 trees last year.

MBPJ's Landscape Department performed maintenance for 780 trees while maintenance for 93,172 trees was done by its contractors.

From January to May, it reported that 9,217 trees underwent maintenance.

A total of 384 trees were chopped down because they were dead, infected by illness, damaged or tilted.

It was also announced that MBPJ has allocated RM8mil for tree maintenance for 2024.

Councillor Nalina Nair called on area supervisors appointed by MBPJ's Landscape Department to ensure the appointed contractors were performing quality tree maintenance work.

She said a more systematic approach that was quick and effective was needed.

Nalina also called for a workshop on better tree management planning to be held soon.

"At the workshop, which will be conducted by experts, we can learn about better tree-marking systems.

"We can either use paint or tape to flag trees that have been maintained. This adds accountability and ensures more trees are inspected.

"We cannot wait for a tragedy to happen before we act," she added. — By SHEILA SRI PRIYA

THE STAR
29 MAY 2024
Tarikh:.....

By CY LEE
chenyoong@thestar.com.my

MPS receives over 33,000 objections to rate hike

MPS
Star
29/5

SELAYANG Municipal Council (MPS) has received over 33,000 objections following its latest assessment revision process.

MPS deputy president Adi Faizal Ahmad Tarmizi said objections by 20% of some 230,000 MPS account holders was within the expected range.

He acknowledged that there was a perception that the valuation had been set too high, and welcomed feedback from property owners.

"If we compare the current valuation to one over 30 years ago, the difference is significant, but the assessment tax rates have gone down across the board," he said after chairing the council's monthly meeting.

Property owners have until May 31 to submit an appeal.

Adi Faizal said once the process was completed, he expected an increase of not more than 35% in assessment tax, similar to what was implemented by the

Kajang Municipal Council.

The council's property valuation exercise is based on the rental yield of a particular property.

It is part of the assessment revision process that will lead to a hike in assessment tax for properties under the council's jurisdiction, which was last adjusted in 1992.

"We will spend two months evaluating objections from property owners once the May 31 deadline is over.

"We will submit the findings to the state government in September for approval before MPS receives any mandate to implement the new assessment rates," he said.

If approved, the new assessment rates will take effect on Jan 1, 2025.

On the matter of tree maintenance, Adi Faizal said MPS had identified 2,542 trees out of approximately 100,000 in Selangor that were currently

being attended to.

"These high-risk trees have been identified earlier in the year and are marked for pruning or felling.

"We have allocated RM2mil to identify and maintain these trees and we are prioritising them to avoid any untoward incident."

Adi Faizal said the council had also been receiving public complaints on other trees that required maintenance.

THE STAR

12 9 MAY 2024

Tarikh:.....

Massive raid at illegal settlement in Sentul

By FARIK ZOLKEPLI
farik@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: A group of foreigners was seen fleeing in panic and attempting to climb onto rooftops when their unauthorised settlement in Sentul was raided by the authorities.

The illegal settlement is thought to have existed for four years before officers from the Immigration Department and other enforcement agencies raided it yesterday.

Immigration director-general Datuk Ruslin Jusoh said a total of 124 foreigners were inspected during the operation.

"A total of 95 Myanmar nationals, 21 Indian nationals, three Indonesians, and several other foreigners were inspected.

"We are checking the foreigners for any offences, including overstaying," he told reporters at the raid location.

Some of the foreigners are already living with families at the settlement, he added.

"We also discovered several packets of subsidised cooking oil following checks at five sundry shops in the area.

"We will work with the relevant agency to probe further," he said.

Ruslin said the land on which the settlement was located belonged to the government.

"About 30 houses have already been built at the settlement.



Catch first, questions after:
Enforcement officers addressing the rounded up immigrants after the raid in Kuala Lumpur. (Inset) Police personnel using a bolt cutter to cut a lock while breaking into the settlement.

"We believe most of the foreigners were renting from locals at a rate of about RM400.

"We will work with Kuala Lumpur City Hall (DBKL) to find out who is renting out the houses," he said.

The operation was conducted



between 12.30am and 2am near the DUKE expressway in Sentul.

More than 229 enforcement

personnel from Immigration, the Civil Defence Force, DBKL and the police's General Operations Force were involved in the operation.

THE STAR
129 MAY 2024
Tarikh:.....

Dengue cases up, two deaths reported

Star
29/5

PUTRAJAYA: Reported dengue fever cases increased to 2,461 in the 20th Epidemiological Week (ME20), from May 12 to 18, compared with 2,338 cases reported in the previous week, says the Health Ministry.

Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said two deaths due to complications from dengue fever were also recorded during the period.

He said the cumulative number of dengue fever cases reported up to ME20 was 59,681 cases compared with 43,619 cases for the same period in 2023, while there were 42 deaths due to dengue fever complications reported compared with 28 deaths for the same period last year.

"The number of hotspot localities reported in ME20 was 59 compared with 60 recorded in the previous week, with 44 localities in Selangor; four each in Kuala Lumpur, Putrajaya and Sarawak; Kedah (three); Perak (two) and one locality each in Penang and Negri Sembilan," he said in a statement yesterday, reported Bernama.

He also reported that ME20 recorded one chikungunya case, bringing the total number of chikungunya cases to 25 so far, with no outbreak reported.

 THE STAR
29 MAY 2024
Tarikh:.....

PROGRAM BANTUAN SUBSIDI MADANI ATAU BUDI MADANI

Permohonan ^{Metro 29/5} dibuka semalam

Kuala Lumpur: Pemilik kenderaan diesel persendirian yang layak termasuk petani kecil dan pekebun kecil boleh membuat permohonan Program Bantuan Subsidi Madani atau Budi Madani yang dibuka mulai semalam (28 Mei 2024).

Pelaksanaan ini susulan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, minggu lalu, berhubung keputusan Jemaah Menteri untuk melaksanakan penyasaran subsidi bahan api diesel membabitkan pengguna di Semenanjung Malaysia.

Kementerian Kewangan (MOF) menerusi satu kenyataan berkata, pemilik kenderaan diesel persendirian berdasarkan kriteria kelayakan tertentu boleh membuat permohonan di bawah kategori Budi Individu, sementara petani kecil dan pekebun kecil boleh memohon di bawah kategori Budi Agri-Komoditi.

MOF berkata, penerima yang layak di bawah kedua-dua kategori akan disalurkan Budi Madani sebanyak RM200 sebulan seiring dengan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

"Kriteria kelayakan bagi kategori Budi Individu adalah pemohon warganegara Malaysia, memiliki kenderaan diesel persendirian yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), selain kenderaan mewah di bawah usia 10 tahun, ken-

deraan dimiliki juga mempunyai cukai jalan yang aktif dan pendapatan tahunan individu atau pasangan RM100,000 dan ke bawah.

"Setiap permohonan akan disemak silang dengan data dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi mengecualikan pemilik kenderaan mewah di bawah usia 10 tahun dan individu berpendapatan tinggi (T20).

"Manakala kriteria kelayakan bagi Budi Agri-Komoditi terbuka kepada pemohon berdaftar sebagai petani atau pekebun kecil dengan agensi yang berkaitan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) atau Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK).

"Pemohon adalah petani atau pekebun kecil komoditi yang aktif dengan hasil jualan pertanian tahunan antara RM50,000 dan RM300,000," katanya.

Permohonan awal untuk Budi Individu dan Budi Agri-Komoditi menjelang pertengahan Jun 2024 dan boleh dibuat melalui budimadani.gov.my yang dibuka sepanjang tahun.

Bagi permohonan yang dibuat dan diluluskan sebelum 3 Jun 2024, pemohon akan menerima Budi Madani pertama menjelang pertengahan Jun 2024 dan bantuan seterusnya akan disalurkan secara bulanan.

HARIAN METRO
Tarikh: 29 MAY 2024

Manual Saliran Mesra Alam ditambah baik

metu
24/5

Putrajaya: Kerajaan akan menambah baik Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) bagi meningkatkan lagi kecekapan dalam pengurusan saliran hujan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, dokumen terbit penting sebagai prasyarat untuk kelulusan pelan pembangunan membolehkan infrastruktur saliran yang menjadi fokus utama dalam menangani masalah banjir.

"Ia (MSMA) adalah satu dokumen yang orang kata hidup, sentiasa diperbaharui mengikut keadaan semasa.

"Antara yang kita kena lihat juga bagaimana kita

nak memperkenalkan teknologi bersesuaian untuk kita pantau supaya kita dapat membuat suatu mekanisme seperti berhubung kait dengan ramalan kemungkinan berlakunya bencana," katanya selepas menyempurnakan Persidangan Kebangsaan Pengurusan Air Larian Hujan (SWaM) 2024, di sini, semalam.

Fadillah berkata, penggunaan MSMA dalam projek pembangunan oleh pemaju membawa manfaat yang ketara termasuk mengurangkan risiko banjir jangka panjang selain memastikan pembangunan lebih mampan.

Katanya, ia kerana kae-

dah dan panduan terdapat dalam MSMA memberikan landasan kukuh bagi reka bentuk saliran yang mampu menampung taburan hujan tinggi terutama di kawasan bandar padat.

"Bila kita kata transformasi, ini yang kita nak lihat bukan sahaja MSMA sedia ada, tetapi bagaimana kita nak pertingkatkan lagi dan beri kesedaran betapa pentingnya pematuhan ini.

"Di Malaysia, kalau kita lihat cabaran terdapat pembangunan haram yang dibuat tanpa merujuk kepada pihak berkuasa tempatan (PBT), ini yang kadangkala menjejaskan," katanya.

HARIAN METRO
Tarikh: 29 MAY 2024



KAKITANGAN Northport dan murid sekolah berkongsi pengalaman berkaitan pertanian di Klang baru-baru ini.

Northport, MBDK laksana projek pertanian bandar

PETALING JAYA – Northport (Malaysia) Bhd. (Northport), ahli Kumpulan MMC dan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) mengumumkan inisiatif kerjasama bagi memupuk pertanian bandar melalui projek pertanian menegak (vertical farming) berskala besar.

Inisiatif dinamakan Taman Komuniti Kitaran Kehidupan (Circle of Life Community Garden) bertujuan mengembangkan konsep pertanian bandar di Klang, menggalakkan penglibatan masyarakat dan menyepadukan prinsip ekonomi pekeliling.

Ketua Pegawai Eksekutif Northport, Datuk Azman Shah Mohd. Yusof berkata, pihaknya menjalankan projek pertanian

menegak di premis mereka bermula Ogos tahun lalu yang kemudiannya diperluaskan di sekolah sekitar Klang sebagai sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Ia bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan kelestarian alam sekitar dalam kalangan murid sambil menggalakkan pembangunan masyarakat setempat," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambah Azman Shah, fasa seterusnya adalah kerjasama dengan majlis bandaran yang merupakan projek berskala besar serta memberi tumpuan kepada pembangunan komuniti setempat dengan bantuan pemain-pemain industri pelabuhan dan logistik.

KOSMO
29/5
(MBDK)

KOSMO
29 MAY 2024

Tarikh:

Penurunan drastik sejak 7 tahun lalu

Sampah Sungai Klang menurun 67 peratus

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

KLANG – Tahap kebersihan Sungai Klang semakin baik apabila jumlah kutipan sampah menurun secara drastik sebanyak 67 peratus sejak tujuh tahun lalu.

Ini seterusnya menjadikan Sungai Klang berada di landasan terbaik sebagai penyalur air mentah bagi projek Skim Air Sungai Rasau.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam Selangor, Izhah Hashim berkata, berdasarkan rekod jumlah kutipan sampah di Sungai pada tahun 2016 adalah sebanyak 16,407 metrik tan.

Katanya, ia bagaimanapun telah menurun kepada 5,389 metrik tan pada tahun lalu dengan kutipan sampah dilakukan kapal pengutip sampah yang disediakan Syarikat Ocean Clean-

up, Interceptor 002 dan Interceptor 005.

"Dari segi rekod kita, kuantiti sampah makin menurun, macam saya sebut ini adalah satu proses. Ia belum lagi mencapai matlamat kita (memulihkan Sungai Klang sebagai sumber air mentah).

"Kita nak kekalkan (kualiti air sungai), ia sudah menurun, (kutipan sampah) kita hendak terus menurun. Kualiti air sungai sudah meningkat, justeru pelbagai pendekatan kita ambil untuk memastikan sumber pencemaran sampah dikenal pasti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian Penajaan Penyelenggaraan Interceptor 002 antara pihak Landasan Lumayan Sdn. Bhd. (LLSB) yang menjalankan pro-

jek Selangor Maritime Gateway (SMG) dan Kumpulan Affin di Jeti Taman Awam Pangkalan Batu, di sini semalam.

Izhah yang juga Pengerusi LLSB berkata, kualiti air Sungai Klang perlu ditingkatkan segera daripada Kelas III Indeks Kualiti Air (WQI) sekarang kepada kualiti lebih baik pada masa depan.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Affin Bank Berhad, Datuk Wan Razly Abdullah berkata, program penajaan tersebut merupakan kerjasama pertama pihaknya dengan syarikat korporat untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan sungai di negara ini.

"Selain itu, kita turut mengadakan program berasingan melibatkan pendidikan kesedaran memelihara sumber air jauh dari pencemaran melibatkan 85 pelajar sekolah," ujarnya.

IZHAM (dua dari kiri) dan Wan Razly (kanan) ketika perasmian penajaan operasi kapal pengutip sampah di Sungai Klang semalam.



KOSMO
12 9 MAY 2024

Tarikh:

Pelaksanaan MSMA secara efektif perlu libat semua pihak

KOSMO
27/5



FADILLAH (kiri) melawat ruang pameran selepas Majlis Perasmian National Conference on Stormwater Management (SWaM) 2024 di Putrajaya semalam.

PUTRAJAYA – Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof menekankan kerjasama antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta pemaui amat penting dalam melaksanakan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) secara efektif.

Menurut beliau, melalui usaha bersama dan penggunaan MSMA sebagai panduan utama, ia bukan sahaja dapat memperkuatkan pengurusan banjir kilat, malah menjaga alam sekitar dan memastikan keselamatan serta kesejahteraan komuniti.

Jelasnya, semua pihak terlibat untuk memastikan pelaksanaan

MSMA dapat diperkukuh dan dikuatkuasakan melalui langkah undang-undang yang sewajarnya.

"Bila kita kata transformasi ini yang kita nak lihat bukan sahaja MSMA yang sedia ada, tetapi bagaimana kita nak peringkatkan lagi dan beri kesedaran kepada pentingnya pematuhan.

"Di Malaysia, kalau kita lihat cabarannya terdapat pembangunan haram yang dibuat tanpa merujuk kepada pihak berkuasa tempatan (PBT), ini yang kadang kala menjejaskan," katanya menerusi sidang akhbar selepas merasmikan National Conference on Stormwater Management (SWaM) 2024 di sini semalam.

MSMA adalah prasyarat untuk kelulusan pelan pembangunan melibatkan infrastruktur saliran yang menjadi fokus utama dalam menangani masalah banjir jangka panjang dan menjimatkan perbelanjaan kerajaan dalam pembendungan banjir.

Mengulas lanjut, Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) berkata, objektif utama persidangan tersebut adalah untuk menyebarkan maklumat kepada pihak berkepentingan mengenai kepentingan daya tahan pengurusan air hujan untuk pembangunan masa depan serta mempromosi pendekatan terkini dalam pengurusan air hujan.

KOSMO

29 MAY 2024

Tarikh:

Perkampungan haram etnik Rohingya di Sentul diserbu

DBKL
BH
29/5

Petempatan di tanah milik kerajaan dilengkapi bekalan air, elektrik serta kedai runcit

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Imigresen menyerbu petempatan haram warga asing yang kebanyakannya dihuni etnik Rohingya, di Sentul, dekat sini.

Petempatan di tanah milik kerajaan itu turut dilengkapi kemudahan bekalan air dan elektrik.

Bukan itu saja, mereka turut menjadikan kawasan berkenaan seperti di kampung halaman dengan bercucuk tanam dan memeli-

hara ternakan, selain mempunyai kemudahan kedai runcit sendiri.

Dalam operasi bermula jam 12.30 tengah malam kelmarin, terdapat segelintir warga asing yang cuba melarikan diri dengan memanjat bumbung rumah dan bersembunyi di sebalik timbunan besi, namun berjaya ditahan anggota penguat kuasa.

Ketua Pengarah Imigresen Datuk Ruslin Jusoh, berkata serbuan dijalankan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) membabitkan kekuatan 229 pegawai serta anggota.

Beliau berkata, seramai 124 warga asing ditahan untuk pemeriksaan terdiri daripada warga Myanmar, Indonesia dan India.

Katanya, petempatan haram itu dihuni oleh warga asing yang sebahagiannya sudah berkehuarga dari Myanmar dipercayai etnik Rohingya.



Ruslin (dua dari kiri) memeriksa PATI yang ditahan ketika operasi Jabatan Imigresen di Sentul, kelmarin.

(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

Sewa rumah RM400 sebulan

"Pemeriksaan mendapati terdapat lebih 20 rumah dan lima unit kedai runcit dibina yang menjual barangan keperluan penghuni seperti sirih kapur serta minyak

masak paket bersubsidi.

"Hasil soal siasat awal, warga asing terbabit mendakwa menyewa rumah ini daripada warga tempatan dengan kadar sewa RM400 sebulan. Malah ada

mendakwa sudah tinggal di sini sejak lebih tiga hingga empat tahun lalu.

"Semakan mendapati, kawasan berhampiran sebelum ini adalah kawasan setinggan yang didiami penduduk tempatan tapi kini berlaku pencerobohan tanah dan rumah disewakan kepada warga asing," katanya pada sidang media selepas menyertai operasi berkenaan.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Imigresen, Jafri Embok Taha.

Mengulas lanjut, Roslin berkata, semakan mendapati kawasan penempatan haram itu dibina atas tanah milik DBKL dan pihaknya dengan kerjasama agensi terbabit akan mengesan warga tempatan yang disyaki membina penempatan berkenaan serta menyewakan kepada warga asing.

Beliau berkata, semua warga asing yang ditahan akan dijalankan proses dokumentasi dan siasatan lanjut oleh pihak Imigresen Kuala Lumpur.

BERITA HARIAN
Tarikh.....12.9.MAY.2024.....

Kerajaan ambil langkah cukup pastikan pelaksanaan tak jejas rakyat



Kuala Lumpur: Kerajaan mengambil langkah mencukupi bagi memastikan pelaksanaan penyasaran subsidi diesel tidak memberi kesan kepada rakyat, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas kebimbangan orang ramai terhadap pengumuman berkenaan.

"Kami sudah mengambil langkah yang mencukupi dan memadai (untuk menangani kebimbangan harga barangan)," katanya ketika ditemui pemberita di luar Forum Global Ekonomi dan Kewangan Islam di sini, semalam.

Sementara itu ditanya bila kerajaan akan mengapungkan bahan api diesel mengikut harga pasaran, Anwar berkata, ia akan diumumkan nanti.

"Tunggu pengumuman (dari pada kerajaan). Kemungkinan besar ia akan diumumkan oleh Menteri Kewangan II (Datuk Seri Amir Hamzah Azizan)," katanya.

Perdana Menteri menerusi Perutusan Negara minggu lalu mengumumkan Kabinet bersetuju untuk melaksanakan penyasaran subsidi diesel membabitkan pengguna di Semenanjung yang dianggarkan membawa penjumlahan RM4 bilion setiap tahun kepada kerajaan.

Beliau berkata, bagi membendung kenaikan drastik harga barangan dan perkhidmatan di Semenanjung, kerajaan akan menyediakan subsidi diesel kepada peniaga yang menggunakan kenderaan komersial bermotor diesel.

Subsidi itu membabitkan 10 jenis kenderaan pengangkutan awam dan 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS).

Menurut Anwar, kerajaan juga bersetuju menyediakan bantuan tunai kepada pemilik individu kenderaan diesel yang layak termasuk petani kecil, pesawah dan peniaga kecil.

DEKITA HARIAN
Tarikh.....29 MAY 2024.....

Kerajaan tambah baik MSMA tangani masalah banjir

Putrajaya: Kerajaan akan menambah baik Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) bagi meningkatkan lagi kecekapan dalam pengurusan saliran hujan di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata dokumen terbabit penting sebagai prasyarat untuk kelulusan pelan pembangunan membabitkan infrastruktur saliran, yang menjadi fokus utama dalam menangani masalah banjir.

"Antara yang kita kena lihat juga bagaimana nak memperkenalkan teknologi bersesuaian untuk kita pantau supaya dapat membuat satu mekanisme yang berhubung kait dengan ramalan kemungkinan berlakunya bencana," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Persidangan Kebangsaan Pengurusan Air Larian Hujan (SWaM) 2024 di sini, semalam.

Fadillah berkata, penggunaan MSMA dalam projek pembangunan oleh pemaju membawa manfaat ketara termasuk mengurangkan risiko banjir jangka panjang, selain memastikan pembangunan lebih mampan.

Katanya, ini kerana kaedah dan panduan terdapat dalam MSMA memberikan landasan kukuh bagi reka bentuk saliran yang mampu menampung taburan hujan yang tinggi, terutama di kawasan bandar yang padat.

"Bila kita kata transformasi, ini yang kita nak lihat bukan sahaja MSMA sedia ada, tetapi bagaimana kita nak tingkatkan lagi dan beri kesedaran betapa pentingnya pematuan ini.

"Di Malaysia, kalau kita lihat cabaran adalah wujud pembangunan haram yang dibuat tanpa merujuk kepada pihak berkuasa tempatan (PBT), ini yang kadang kala menjejaskan," katanya.

Persidangan Kebangsaan Pengurusan Air Larian Hujan (SWaM) 2024 berlangsung selama empat hari anjuran Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Pertubuhan Saliran Mesra Alam Malaysia (MSO).

Muktamad penggunaan QR

Dalam perkembangan lain, Fadillah berkata, kerajaan akan memuktamadkan penggunaan kod QR bagi pelepasan imigresen di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Johor selepas tempoh tiga bulan percubaan sistem itu selesai dilaksanakan.

Katanya, pada masa ini ada beberapa syarikat sudah mengemukakan tiga sistem cadangan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang mana ia akan diuji mulai 1 Jun ini.

"Ada tiga sistem cadangan daripada beberapa syarikat yang kemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan kita



Fadillah memukul gong ketika merasmikan Persidangan Kebangsaan Pengurusan Air Larian Hujan (SWaM) 2024, di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

akan uji sistem ini, hanya perlu muat turun aplikasi, daftar, sama ada gunakan (aplikasi) Digital ID atau MySejahtera, ambil gambar pasport, gambar individu dan disahkan.

"Jadi apabila dia melalui (Imigresen), memadai dia tunjukkan telefon pintar dia sahaja, tak perlu keluaran pasport, imbas kod QR itu, automatik akan masuk ke sistem imigresen dan konsep yang dibangunkan ini dijangka menjimatkan secara purata 50 peratus waktu perjalanan," katanya.

Kelmarin, media melaporkan rakyat Malaysia boleh mengim-

bas kod QR, berbanding pasport untuk pelepasan imigresen di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), BSI dan KSAB bermula 1 Jun ini.

Fasa Pertama penggunaan kod QR itu khusus bagi pengguna bas di BSI, selain penunggang motosikal laluan M-Bike di KSAB dengan tempoh percubaan selama tiga bulan sebelum ia diperluaskan kepada pengguna kenderaan lain.

Mengulas lanjut, Fadillah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Khas Menangani Kesesakan Tambak Johor berkata, hasil mesyuarat jawatankuasa itu

khususnya berkaitan penggunaan sistem terbabit akan dibentangkan ke Kabinet secepat mungkin.

"Jadi, perkara ini dibincangkan semalam, melihat keseluruhan aliran perjalanan daripada imigresen, pemeriksaan keselamatan dan pelepasan kastam.

"Jadi, kalau ini dapat diselesaikan dengan baik, kita dapat jimatkan waktu, bayangkan mereka yang bekerja di Singapura, untuk rakyat kita keluar seawal jam 4 pagi dah ada di terminal, mungkin tidak lagi perlu keluar terlalu awal," katanya.

Kampung setinggian warga asing dekat DUKE digempur Imigresen

DBKL
UM
29/5

Oleh MASZUREEN HADZMAN
utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR : Tindakan majoriti etnik Rohingya membuka penempatan setinggian secara haram di atas tanah milik kerajaan di Lebuhraya Duta-Ulu Klang (Duke), Sentul terbongkar selepas kawasan itu digempur pihak berkuasa awal pagi semalam.

Tanah yang tidak digunakan itu turut dibina sekitar 20 hingga 30 buah rumah pendatang asing tanpa izin (PATI) sejak empat tahun lalu.

Lebih memeranjatkan, lokasi itu bukan hanya dijadikan tempat tinggal, malah serbuan berjaya membongkar operasi lima kedai runcit yang turut menjual minyak masak paket bersubsidi.

Bukan itu sahaja, PATI yang ditahan turut berani membina reban ternakan haiwan seperti itik dan ayam dipercayai untuk menyara komuniti mereka.

Seorang etnik Rohingya dikenali sebagai Amir berkata, dia membayar sewa sebanyak RM300 untuk sebuah bilik daripada warga tempatan setiap bulan.

Tambahnya, tempat tersebut didiami selepas dipelawa oleh



SEBAHAGIAN daripada 124 orang warga asing yang berasal dari Myanmar, Indonesia dan India yang ditahan dalam operasi bersama Pasukan Gerakan Am dan Jabatan Imigresen berhampiran Lebuhraya Duta Ulu Klang (DUKE) di sini, awal pagi semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

rakan senegarannya yang juga bekerja di kawasan berdekatan.

"Sudah 10 tahun di Malaysia, sekarang sudah kahwin dan ada tiga orang anak, kerja terpaksa ambil upah cuci pinggan RM50

sehari, dulu ada kerja tukang cuci gaji RM1,000 tapi sudah kena berhenti," katanya.

Operasi bermula pukul 12.30 tengah malam dan berakhir pada pukul 2.30 pagi dilakukan

secara bersepadu dengan Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam (APM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Pendaf-

taran Negara (JPN).

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Ruslin Jusoh berkata, pemeriksaan dilakukan membabitkan 124 warga asing yang berasal dari Myanmar, Indonesia dan India.

"Daripada jumlah ini, 95 dari Myanmar, termasuk 14 kanak-kanak lelaki dan 18 kanak-kanak perempuan bersama ibu mereka, dan kami percaya majoriti berketurunan Rohingya. Ada juga tiga warga Indonesia bersama beberapa lagi belum dikenal pasti," katanya.

Beliau berkata, pemeriksaan turut dilakukan terhadap 21 warga India yang baru pulang dari kerja namun mereka mempunyai permit kerja yang sah.

Tambah beliau, antara kesalahan utama dikesan ialah tidak mempunyai pasport, pas kerja tamat tempoh serta tinggal lebih masa.

"Semasa pemeriksaan, kita turut menemukan lima kedai serbaneka yang menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat di dalam penempatan itu. Mereka menjual barangan seperti daun sirih dan barangan bersubsidi seperti minyak masak," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh:2.9 MAY 2024

Ringgit kukuh susulan KDNK meningkat - Anwar

UM
29/5

KUALA LUMPUR: Prestasi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku pertama 2024 yang memberangsangkan mendorong kepada pengukuhan ringgit, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pada 9 pagi semalam, ringgit terus mengukuh kepada 4.6900/6950 berbanding dolar AS, naik daripada 4.6940/6990 pada Isnin.

Pada pukul 5 petang hari sama, ringgit terus positif apabila ditutup pada 4.6940/4.6990 berbanding dolar AS.

Dari awal tahun sehingga kini, mata wang negara pernah ditutup paling lemah pada 20 dan 21 Februari kepada 4.7950/4.8000 berbanding dolar AS.

Anwar berkata, kerajaan bersyukur kerana ringgit semakin mengukuh dengan pengumuman ekonomi negara yang berkembang pada kadar yang lebih tinggi pada suku pertama 2024.

"(Ringgit pada paras RM4.69 pagi ini) adalah baik. Angka tersebut mengukuh dan secara

umumnya baik.

"Alhamdulillah, ekonomi kita baik pada suku pertama," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum Global mengenai Ekonomi dan Kewangan Islam (GFIEF) semalam.

Ekonomi Malaysia berkembang pada kadar lebih tinggi sebanyak 4.2 peratus pada suku pertama 2024 berbanding 2.9 peratus pada suku keempat 2023, didorong oleh perbelanjaan swasta yang lebih kukuh dan pertumbuhan eksport yang positif.



RINGGIT terus mencatatkan pengukuhan hingga mencapai 4.69 semalam, berbanding sekitar 4.71 pada minggu lalu.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 12.9 MAY 2024

Antara punca utama disebabkan perhijrahan cendekiawan

95% klinik, hospital kerajaan tidak cukup kakitangan

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
ariman.asrol@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Hampir semua klinik dan hospital kerajaan di seluruh negara dilaporkan beroperasi dalam keadaan kurang kakitangan sehingga menyebabkan

kan berlaku lambakan tugas dan memanjangkan lagi tempoh menunggu.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr. Azizan Abdul Aziz berkata, tinjauan pihaknya mendapati hanya lima peratus kemudahan penjagaan

kesihatan awam mempunyai tenaga yang mencukupi.

Menurutnya, hampir separuh daripada responden memaklumkan kekurangan sumber tenaga itu berpunca daripada doktor yang memilih untuk berhenti kerja atau berpindah.

Sehubungan itu, jelasnya, Kementerian Kesihatan (KKM) perlu menjalankan kajian komprehensif yang telus bagi menangani masalah kekurangan tenaga dan beban kerja dalam sektor kesihatan awam.

"Hanya enam responden

(lima peratus) menunjukkan mereka mempunyai tenaga manusia mencukupi manakala 36 responden (32 peratus) memerlukan peningkatan sehingga 50 peratus tenaga kerja.

Bersambung di muka 3

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 29 MAY 2024

95% klinik, hospital kerajaan tidak cukup kakitangan

②
MM
29/5

Dari muka 1

"51 responden (46 peratus) pula memerlukan peningkatan hingga 100 peratus.

"(Selain itu), 18 responden (16 peratus) memerlukan lebih dua kali ganda daripada bilangan doktor semasa untuk menyediakan perkhidmatan yang baik," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, Azizan memberitahu, pihaknya percaya antara sebab utama berlaku masalah kekurangan tenaga kerja adalah *brain drain* (penghijrahan cendekiawan).

"Terdapat peningkatan men-

dadak doktor meletakkan jawatan dan tidak menerima perjawatan tetap. Doktor memilih untuk berhenti bukanlah mengejutkan, sudah dibangkitkan berulang kali.

"Terbaharu, Senator Dr. R.A. Lingeswaran berkata, 3,046 doktor kontrak meletakkan jawatan sejak tiga tahun lalu menurut KKM," jelasnya.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan perlu memandang serius isu tersebut sebelum sistem kesihatan negara lumpuh.

Jelasnya, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan (MOF) dan KKM perlu bekerjasama rapat den-

gan semua pihak untuk menyelesaikan.

"Dalam jangka masa panjang, kita memerlukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang mampu menguruskan sistem penjagaan kesihatan berasingan daripada KKM, JPA dan MOF," ujarnya.

Sementara itu, pihaknya mencadangkan empat langkah penyelesaian, antaranya mewujudkan papan pemuka yang telus memaparkan jumlah pekerja kesihatan sepertimana dilakukan pada era Covid-19.

Selain itu, kerajaan perlu merangka terma gaji baharu supaya pendapatan mereka

berdaya saing dengan sektor swasta.

"Terdapat kumpulan doktor yang kontraknya akan tamat pada bulan ini dan Julai, tetapi tidak mendapat jawapan konkrit mengenai masa depan mereka. Bukankah kita sepatutnya mengekalkan mereka untuk membendung masalah ini?"

"Banyakkan usaha membaiki kemudahan dan menggantikan peralatan yang rosak, pastikan semua sumber tidak dibelanjakan di kawasan bandar sahaja, masyarakat luar bandar turut layak mendapat kualiti penjagaan yang sama," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:29...MAY...2024...

Risiko baki simpanan saraan sedikit

Oleh AIMAN ALI

aiman.ali@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bakal menghadapi kesukaran untuk menyimpan jumlah minimum wang persaraan selain berdepan risiko perlu bekerja lewat usia apabila sering mengeluarkan simpanan Akaun Fleksibel (Akaun 3).

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Ekonomi dan Analisis Pasaran dan Kewangan Sosial, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Dr. Mohd. Afzanizam Abdul Rashid berkata, pengeluaran simpanan Akaun Fleksibel secara berterusan akan menyebabkan ahli sukar untuk mencapai sasaran simpanan asas.

Bersambung di muka 2

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 29 MAY 2024

Risiko baki simpanan saraan sedikit

Dari muka 1

"Pengeluaran akan meningkatkan kuasa membeli dalam kalangan ahli KWSP bagi kesan jangka masa pendek selain mampu untuk melonjakkan perbelanjaan para pengguna yang merupakan 61 peratus daripada nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Namun, kita sedia maklum bahawa ramai ahli KWSP yang tidak mencapai simpanan asas iaitu RM240,000 apabila mereka bersara kelak.

"Justeru, sekiranya mereka mengeluarkan wang tersebut dengan baki simpanan yang sedikit akan menyukarkan untuk mencapai jumlah simpanan itu. Mungkin ada yang terpaksa bekerja lagi meskipun telah mencapai umur persaraan," katanya.

Terdahulu, sebanyak 2.86 juta permohonan pindahan amaan permulaan telah diterima dan dipindahkan dari Akaun Sejahtera ke Akaun Fleksibel KWSP melibatkan jumlah sebanyak RM8.78 bilion.

Jumlah permohonan dan pindahan tersebut adalah setakat 22 Mei lalu sejak pilihan dibuka kepada ahli pada 12 Mei.

Sementara itu, sebanyak 3.04 juta permohonan pengeluaran Akaun Fleksibel telah diluluskan melibatkan jumlah sebanyak RM5.52 bilion.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan, kerajaan perlu akui bahawa tujuan penubuhan Akaun Fleksibel adalah bagi memberi ruang kepada ahli KWSP untuk digunakan bagi tujuan tertentu.

"Ini bererti keputusan untuk menggunakan wang tersebut adalah sepenuhnya terletak di tangan mereka. Dari sisi lain,



SEBANYAK 2.86 juta permohonan pindahan diterima dan dipindahkan dari Akaun Sejahtera ke Akaun Fleksibel Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) melibatkan RM8.78 bilion.

Jumlah permohonan dan pindahan tersebut adalah setakat 22 Mei lalu sejak pilihan dibuka kepada ahli pada 12 Mei."

KWSP dilihat memberi kuasa autonomi (tanpa kawalan pihak luar) kepada ahli untuk menguruskan wang persaraan mereka.

"Hakikatnya, tujuan pengeluaran adalah pelbagai dan tertakluk kepada keputusan ahli tersebut. Justeru, selepas ini boleh dilaksanakan satu bancian ke mana wang tersebut dibelanjakan bagi membolehkan penambahbaikan dilakukan pada masa akan datang," katanya.

Dalam pada itu, penganalisis ekonomi dari Putra Business School, Profesor Madya Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, pengeluaran Akaun Fleksibel secara bulanan tidak sesuai dijadikan sebagai talian hayat bagi penambahan kewangan rakyat.

"Saya melihat pencarum tidak akan terkesan dari aspek simpanan persaraan kerana Akaun Fleksibel hanya mewakili 10 peratus caruman.

"Namun, jika pencarum mengharapkan pengeluaran setiap bulan dari akaun tersebut untuk kelangsungan hidup, mungkin tidak sesuai kerana wang caruman yang diletakkan ke dalam akaun tersebut setiap bulan adalah minimum.

"Sudah tiba masanya kerajaan segera melaksanakan dasar gaji progresif dan meningkatkan gaji minimum bagi mengurangkan kebergantungan kepada wang persaraan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 12 9 MAY 2024

GOVT RESERVE LAND

(D&L)

NST 29/5

124 screened in raid on migrant colony

KUALA LUMPUR: A settlement for illegal migrants in Sentul, complete with a convenience store and other amenities, was raided by the authorities early yesterday morning.

Led by the Immigration Department, the raid also involved the police, General Operations Force, Kuala Lumpur City Hall, Civil Defence Force and National Registration Department.

Enforcers began securing the perimeter at 12.30am, then entered the compound near the Duke Highway.

The illegal settlement had 20 to 30 homes, toilets, convenience stores, livestock pens and water and electricity supply. It was built on a government reserve land.

It is understood the land was occupied illegally three to four years ago and that the migrants allegedly pay RM400 a month to

the "landlord".

The raid ended about 3am, with 124 foreign nationals checked.

Immigration director-general Datuk Ruslin Jusoh said the foreign nationals were from Myanmar, Indonesia and India.

"Of the total, 95 are from Myanmar, including 14 boys and 18 girls with their mothers. We believe a majority are Rohingya."

"There were three Indonesians and several other foreign nationals. We checked 21 Indian nationals who have valid work permits."

He said some migrants did not have valid documents, had no passports, had expired work passes or were overstaying.

"Those without valid documents or work passes will be detained. Those with UNHCR (United Nations High Commissioner for Refugees) cards will be referred to the UNHCR for further action."

"We will document them first tonight (yesterday) and conduct verification tomorrow (today). After that, we will determine how many will be detained based on their documents."

Ruslin said authorities found five convenience stores at the settlement, selling items like betel leaves and subsidised goods, such as cooking oil.

"They claim to rent the place from locals. Immigration will work with City Hall and other agencies to identify who rented out this government reserve land."

He said the Immigration Department would continue to work with other agencies to tackle the influx of illegals in the capital.

"We will also take action in other areas in collaboration with other authorities to ensure only those with valid travel and work documents remain in the country."



A makeshift convenience store that the authorities found during a raid on a migrant settlement in Sentul, Kuala Lumpur, yesterday. PIC BY EIZAIRI SHAMSUBIN

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 12 9 MAY 2024

BUSINESS OPERATIONS, OPERATING COSTS

NST 29/5

'DIESEL SUBSIDY REMOVAL WON'T AFFECT MRCB'

Company says it has always used the fuel at commercial rates for its projects

S. BIRRUNTHA
KUALA LUMPUR
bt@nst.com.my

MALAYSIAN Resources Corp Bhd (MRCB) has affirmed that the removal of the diesel fuel subsidy will not affect its operational efficiency, project timelines, service delivery or cost base.

The company said this was be-

cause it had always used the fuel at commercial rates for all its development and construction projects, including those managed by its subcontractors.

"MRCB would like to draw attention to the recent announcement made by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim regarding the rationalisation of diesel subsidies.

"We understand that the announcement of this policy

change has raised questions among our stakeholders about its potential impact on our business operations and operating costs," it said yesterday.

MRCB gave its assurance to its stakeholders that the company remains committed to delivering

high-quality products and services at competitive prices.

The company said it fully supported the government's initiatives to rationalise subsidies as part of broader economic reforms necessary to foster inclusive and sustainable eco-

nomical growth.

"We believe these measures are critical and will contribute to the prosperity of all Malaysians.

"We appreciate the continued support and trust of our stakeholders," it added.



An artist's impression of the Kota Semarak development project, which is a joint-development between Malaysian Resources Corp Bhd (MRCB) and TH Properties Sdn Bhd. MRCB says it fully supports the government's subsidy rationalisation efforts.

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 29 MAY 2024.....



The subsidised diesel control system is currently limited to public transport vehicles, including buses, taxis and 23 types of commercial goods vehicles. FILE PIC

DETAILS TO BE ANNOUNCED

REF NST 29/5

Anwar: Adequate measures taken on targeted subsidised diesel scheme

KUALA LUMPUR: The government has taken adequate measures and considered various aspects before implementing the subsidised diesel control system, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"We have taken adequate measures," Anwar said yesterday after attending the Global Forum on Islamic Economics and Finance.

He added that Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan would provide further details on the scheme soon.

The subsidised diesel control system is currently limited to public transport, including buses, taxis and 23 types of commercial goods vehicles.

On industry players' requests for the government to broaden

the scope of the targeted subsidised diesel, Anwar said the matter could be recommended to the Transport Ministry and Domestic Trade and Cost of Living Ministry.

Federation of Malaysian Manufacturers president Tan Sri Soh Thian Lai recently said the federation, in a meeting with the Finance Ministry on April 19, had requested that the list of targeted diesel subsidy recipients be expanded to include all types of vehicles, as long as they were carrying goods for commercial purposes.

He said the list was "too limited" as companies with vehicles such as tankers carrying chemicals, construction materials and fertiliser would not be eligible for subsidised diesel.

NEW STRAITS TIMES

Tarikh: 12.9..MAY..2024.....

Govt urged to address SPM dropout issue at source

► Education group proposes more financial aid for low-income families to ensure children able to focus on studies

■ BY SIVANISVARRY MORHAN
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: With the Education Ministry saying on Monday that 10,000 Form Five students failed to take the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 examinations, the Parent Action Group for Education has urged state governments to step up efforts to aid their families.

Its president Datin Noor Azima Abdul Rahim said: "State governments should provide more robust job programmes for parents and financial assistance for low-income families to ensure their children can focus on their studies."

She said it is sad that of the 395,870 candidates who sat for the national examination last year, 10,000 missed it for various reasons, mainly due to coming from disadvantaged backgrounds with financial issues.

Noor Azima said this was the case despite the significant decrease in the number of students not taking the SPM examinations, which showed an improvement compared with 2022 when 30,000 students missed it.

She said using technology may not be the answer for all students to achieve the national education goal.

Instead, a more human and personalised approach through parental involvement and state government intervention is needed.

"For instance, since its inception in 2009, Selangor's People's Tuition Programme (SPTP) has extended a helping hand to struggling SPM candidates in the state, with approximately 65,000 students set to benefit from free tuition in six subjects."

Launched as a RM6 million state initiative, SPTP provides coaching in Bahasa Melayu, English, History, Science and Mathematics, and from this year, Additional Mathematics as well.

The programme has enlisted the expertise of 1,956 teachers to support students in their academic endeavours.

The initiative involves more than 270 schools across Selangor, demonstrating the state's commitment to enhancing educational



Noor Azima said improving the school environment could create a more conducive learning setting to foster student success. — SYED AZAHAR SYED OSMAN/THE SUN

opportunities for its youths.

However, Noor Azima pointed out that despite such initiatives, Selangor still had the highest number of dropouts.

She stressed the need for the state government to continue implementing such programmes and maintaining public engagement to effectively address the dropout issue.

"The severe impact of mental health and economic challenges on families also often forces students to prioritise work over education."

"Students who lack basic reading, writing and arithmetic skills often face mental health issues. This further hampers their academic performance."

"Mental health support should come from the community and state, with experts and counsellors visiting schools periodically to help alleviate the problem."

Noor Azima also called for policy changes, adding that while it is ideal to make secondary school education compulsory, support from the students' homes needs to be secure first.

"Some students may feel they will fail the SPM as they could not prepare well for it due to the various disadvantages they faced and therefore did not see any point in taking the examinations."

"Hence, initiatives to enhance parental

engagement through educational workshops and stronger Parent-Teacher Associations should be encouraged."

She said enhancing engagement through regular communication between parents and teachers and having parent education programmes can significantly improve and support the academic journey of students.

She also said economic interventions such as scholarships, financial aid and subsidised transport could further reduce the financial burden on students.

She added that improving the school environment with better facilities and teacher support could create a more conducive learning setting to foster student success.

Additionally, public awareness campaigns highlighting the importance of completing the SPM examinations and sharing the success stories of students could motivate others to stay the course.

"Collaborative efforts between schools, government bodies and non-governmental organisations to ensure higher participation rates in the SPM exams are crucial. While the reduction in absenteeism is a positive step, more comprehensive efforts are required."

"By implementing targeted interventions and support systems, the dropout rate for SPM exams can be further reduced, offering better future opportunities for students."

THE SUN
129 MAY 2024
Tarikh:

Ringgit firmer against US dollar at the close

Sun
29/5

THE ringgit closed higher against the US dollar yesterday as investors remained wary of the global economic outlook ahead of key US inflation data to be released later in the week, an analyst said.

At 6pm, the ringgit rose to 4.6890/6910 versus the greenback compared to yesterday's close of 4.6940/6990.

Bank Muamalat Malaysia Bhd chief economist Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid said the ringgit held steady yesterday while the US Dollar Index (DXY) fell 0.09% to 104.505 points.

He said market players' focus has shifted towards the Federal Reserve's (Fed) preferred inflation gauge – the core personal consumption expenditure price index data due Friday.

"Hence it explains the cautious stance among market participants as Fed officials have been adamant in maintaining their stance to keep interest rate steady to bring down inflation towards the 2% target zone," he told Bernama.

At the close, the ringgit traded mostly higher against a basket of major currencies.

The local unit appreciated against the Japanese yen to 2.9876/9890 from Monday's close of 2.9919/9953 and edged up vis-a-vis the euro to 5.1002/1024 from 5.1005/1059 previously.

The ringgit also performed better against most of its Asean peers.

The local currency strengthened against the Singapore dollar to 3.4785/4802 from 3.4799/4838 at Monday's close, firmed vis-a-vis the Thai baht to 12.7975/8089 from 12.8132/8321 yesterday and rose versus the Indonesian rupiah to 291.3/291.6 from 292.0/292.5.

However, it slipped against the Philippine peso to 8.09/8.10 from 8.08/8.09 yesterday. – Bernama

THE SUN

29 MAY 2024

Tarikh:

Increase in dengue cases, two deaths reported

SUN 29/5

PUTRAJAYA: Reported dengue fever cases increased to 2,461 in the 20th Epidemiological Week (ME20), from May 12 to 18, compared with 2,338 cases reported in the previous week.

Health Director-General Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said two deaths due to complications from dengue fever were also recorded during the period.

He said the cumulative number of dengue fever cases reported up to ME20 was 59,681 cases compared with 43,619 for the same period in 2023, while there were 42 deaths due to dengue fever complications reported compared with 28 deaths for the same period last year.

"The number of hotspot localities reported in ME20 was 59 compared with 60 recorded in the previous week, with 44 localities in Selangor, four localities each in Kuala Lumpur, Putrajaya and Sarawak, three in Kedah, two in Perak and one each in Penang and Negeri Sembilan," he said in a statement. — Bernama

THE SUN
Tarikh: 29 MAY 2024

Value of ringgit strengthening: PM Sun 29/5

KUALA LUMPUR: The value of the ringgit is currently at a good level following the encouraging GDP for the first quarter of 2024, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

At 9am yesterday, the ringgit continued to strengthen to 4.69/695 against the US dollar, up from 4.694/699.

"(The ringgit at RM4.69 this morning) is okay, the figures are strengthening and generally good.

"Our economy is thankfully good in the first quarter," he said yesterday.

Malaysia's economy grew at 4.2% in the first quarter of 2024 compared with 2.9% in the fourth quarter of 2023, driven by stronger private spending and positive export growth. — Bernama

THE SUN
Tarikh: 29 MAY 2024